



**PEJABAT KETUA MENTERI SARAWAK
OFFICE OF THE CHIEF MINISTER OF SARAWAK**

**KENYATAAN MEDIA
(untuk siaran segera)**

**KOMITMEN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI
(MMKN), AHLI-AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI GPS,
SETIAUSAHA POLITIK
DAN PENJAWAT AWAM SARAWAK MEMBANTU TABUNG BENCANA
SARAWAK BAGI MENANGANI COVID-19**

Kerajaan Gabungan Parti Sarawak (GPS) sentiasa prihatin dengan nasib rakyat yang terkesan akibat penularan pandemik COVID 19. Pada 28 Mei 2021, YAB Ketua Menteri telah mengumumkan Bantuan Khas Sarawakku Sayang (BKSS) 6.0 – “Meringankan Beban Rakyat” bernilai **RM1.4 billion** sebagai tambahan kepada Bantuan Khas Sarawakku Sayang (BKSS) 1.0 hingga 5.0 sebelum ini. Secara keseluruhannya sebanyak **RM 4.5 billion** telah diperuntukkan oleh Kerajaan GPS Sarawak bagi melaksanakan Pakej BKSS 1.0 sehingga 6.0 untuk membantu meringankan beban rakyat Sarawak.

Bagi menunjukkan komitmen berterusan Kerajaan GPS dalam membantu rakyat yang terjejas akibat Pandemik Covid19, YAB Ketua Menteri telah berbincang dengan anggota-anggota MMKN Sarawak dan telah membuat keputusan sebulat suara untuk menyumbang **dua (2) bulan gaji Ahli-Ahli MMKN dan elaun ADUN GPS dan Setiausaha Politik** kepada Tabung

Bencana Sarawak. Jumlah sumbangan ini dijangka berjumlah **RM 3 juta**. Sumbangan ini akan dibuat melalui potongan gaji setiap bulan mulai Jun 2021 mengikut kadar seperti berikut :

JAWATAN	SUMBANGAN SETIAP BULAN DARIPADA GAJI BULANAN
YAB KETUA MENTERI	30%
YB TIMBALAN KETUA MENTERI	25%
YB MENTERI/ SPEAKER	20%
YB MENTERI MUDA	15%
YB ADUN	10%
SETIAUSAHA POLITIK	5%

Kerajaan GPS akan mempertimbangkan untuk meneruskan dan menyambung sumbangan setiap bulan oleh Ahli Ahli MMKN, ADUN GPS dan Setiausaha Politik kepada Tabung Bencana Sarawak sekiranya pandemik ini berterusan pada masa akan datang.

Kerajaan GPS juga telah memutuskan bahawa Penjawat Awam Sarawak akan turut menyumbang sejumlah Imbuhan Tetap Kerajaan (ITK) mereka selama dua (2) bulan seperti berikut :

GRED	KADAR SUMBANGAN	TEMPOH
i. Gred Utama A/ Gred Khas A dan setara ke atas	50% daripada ITK yang diterima	Julai & Ogos 2021 (dua bulan)
ii. Gred Utama B/ Gred Khas B dan setara ke atas	20% daripada ITK yang diterima	
iii. Gred Utama C/ Gred Khas C dan setara ke atas	10% daripada ITK yang diterima	
iv. Gred 43 – 56 dan setara	5% daripada ITK yang diterima	
v. Gred 29 – 42 dan setara	RM10 daripada ITKA yang diterima	

Kadar sumbangan yang melibatkan hampir 7,000 penjawat awam termasuk di Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun Negeri ini dijangka berjumlah **RM300,000. 00** (tiga ratus ribu ringgit).

Walau bagaimanapun, para anggota barisan hadapan (*Frontliners*) yang terlibat secara langsung bagi pembendungan serta pengawalan wabak COVID-19 adalah **dikecualikan** daripada pemberian sumbangan ini.

Kerajaan GPS Sarawak juga akan meminta semua *Government – Linked Company (GLC)* Kerajaan Sarawak untuk sama-sama turut serta dalam pemberian sumbangan ini kepada Tabung Bencana Sarawak sebagai komitmen bersama semua pihak dalam menangani pandemik ini.

Kerajaan GPS Sarawak akan terus mengutamakan keselamatan dan kebajikan rakyat agar terus terpelihara. Usaha yang berterusan dari Kerajaan GPS Sarawak dengan dokongan padu penjawat awam Sarawak akan diteruskan dalam mendepani dan memerangi pandemik Covid-19. Semoga sumbangan ini akan sedikit sebanyak membantu Kerajaan melalui pelbagai langkah yang dilaksanakan bagi melandaikan keluk jangkitan pandemik Covid-19 di Sarawak.

Tarikh: 4 Jun 2021